



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SELASA / 5 MAC 2024



Disediakan Oleh :
Cawangan Komunikasi Korporat



TAJUK BERITA

1. GUBAL AKTA, TUBUH SURUHANJAYA KETERJAMINAN MAKANAN MALAYSIA - UTUSAN MALAYSIA
2. BERI PERHATIAN NASIB PESAWAH - UTUSAN MALAYSIA
3. JERAMI MENDAPAT PERMINTAAN TINGGI - UTUSAN MALAYSIA
4. KERAJAAN KEDAH PERLU FIKIR LANGKAH TINGKAT HASIL PADI - BERITA HARIAN
5. HASIL PERTANIAN DIJANGKA TERJEJAS 50 PERATUS - SINAR HARIAN
6. A CAREER IN PADI FARMING AWAITS YOUTHS - THE STAR

16 | Utusan Malaysia SELASA • 5 MAC 2024

Gubal akta, tubuh Suruhanjaya Keterjaminan Makanan Malaysia

FAUZI SHAFFIE

Ada dua akta yang berkait dengan elemen keterjaminan makanan telah wujud, iaitu Akta 109 dan Akta 281, namun kedua-duanya hanya berkait secara tidak langsung."

SU keterjaminan makanan bukan sahaja perlu dijaga demi mewujudkan kemakmuran, tetapi natijah kekurangan makanan jika menjadi kronik boleh mengganggu keamanan, mencetuskan kemarahan rakyat dan negara mudah menjadi tidak stabil.

Kegagalan menjamin rakyat mendapat makanan yang cukup boleh menjerumuskan negara ke lembah kacau bilau dan boleh mengancam keselamatan. Negara yang tidak stabil tidak akan dapat menjemput pelabur, akibatnya ekonomi semakin merudum dan rakyat akan lemas dalam pusaran ekonomi yang menghancurkan.

Ibu kota mencakupi berbas tempatan dalam pasaran negara baru-baru ini seharusnya menjadi satu *wake up call* atau kejutan amaran kepada semua, khususnya kepimpinan negara dan mereka yang berkait secara langsung atau tidak langsung dalam produktiviti dan pembekalan makanan negara.

Masalah paling mendasar mengenai perbekalan berbas tempatan adalah produktiviti yang amat rendah dan tidak menguntungkan hingga sebilangan besar pesawat tidak berminat menanam padi, justeru, banyak tanah padi yang terbiar.

Penulis juga menjangka

Akta 109 menyentuh hal peningkatan produktiviti pertanian, penggunaan praktik pertanian terbaik, kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan serta peningkatan kualiti dan keselamatan makanan.

Manakala Akta 281 pula berkait dengan pengawalan kualiti makanan, pelabelan dan pengiklanan, pencegahan makanan berbahaya, kuasa penguatkuasaan serta hukuman ke atas pelanggaran.

Sorotan ke laman sesawang Kementerian Pertanian memberi maklumat tentang wujudnya lima strategi teras perancangan tindakan keterjaminan makanan 2021-2025. Dalam Strategi Teras ke 5, ada elemen memperkuuh pemantauan berkaitan keterjaminan makanan.

Strategi Teras ke 5 tersebut menyentuh berkenaan empat perkara: memperkuuh pemantauan berkaitan keterjaminan makanan, memperkuuh infrastruktur dalam sistem makanan, memperkasa advokasi berkaitan keterjaminan makanan dan memperkuuh akta dan peraturan bagi menjamin kemampuan sumber dan bekalan makanan.

Penulis tidak ada maklumat sejauh mana perancangan strategi teras ini sudah terlaksana, namun berasa bukan satu kejangan untuk terus membuat cadangan.

Buat masa ini, ada dua akta yang berkait dengan elemen keterjaminan makanan telah wujud iaitu Akta 109 dan Akta 281, namun kedua-duanya hanya berkait secara tidak langsung.

Rencana

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Pertindihan kuasa penguatkuasaan tanpa ada satu badan khas untuk memantau secara berterusan boleh menyebabkan salah faham, saling mengharap malah saling menyalahkan jika timbul masalah mengenai ketidaa penguatkuasaan.

Dalam satu wacana saran rambang bersama Profesor Abdul Samad Nawi serta beberapa rakan pensyarah UiTM Kelantan yang lain beberapa minggu lepas, kami sepakat untuk mencadangkan kepada kerajaan agar ditubuhkan sebuah suruhanjaya berkait keterjaminan makanan, sama dengan nama Suruhanjaya Keterjaminan Makanan Malaysia (SKMM), atau apa-apa nama yang lebih sesuai.

Suruhanjaya ini dijangka akan memainkan peranan secara lebih berfokus kepada isu keterjaminan makanan, termasuk merangka strategi jangka panjang, selain daripada penguatkuasaan dalam hal-hal yang berkait.

Justeru, suruhanjaya tersebut dijangka bebas daripada entiti yang bertanggungjawab memproses perolehan dan akan lebih bebas untuk membuat penyiapan dan mengambil tindakan.

Malah, pelaksanaan Strategi Teras ke 5 dalam Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 akan lebih berkesan melalui suruhanjaya ini.

Penulis berpendapat suruhanjaya tersebut lebih wajar diwujudkan dengan menggubal aktanya tersendiri supaya peranannya lebih merangkumi dan akta tersebut adalah Akta Keterjaminan Makanan.

DR Mohd Fauzi Shaffie ialah pernah ialah seorang ahli politik.



SURUHJAYA Keterjaminan Makanan
dijangka memainkan peranan secara lebih berfokus kepada isu keterjaminan makanan.

Dalam Negeri

Beri perhatian nasib pesawah

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
aimy.ahmad@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Kerajaan negeri perlu memikirkan langkah wajar untuk meningkatkan produktiviti padi di Kedah memandangkan pengeluaran beras adalah sektor tunjang dalam pertanian yang menjadi asas keselamatan makanan negeri dan negara.

Sultan Kedah, Sultan Sallehudin Sultan Badlishah bertitah, nasib pesawah yang merupakan *power house* (penjana) sebenar sektor pertanian padi perlu diberi perhatian serius.

Titahnya, dengan hasil pendapatan sangat rendah, keringat para pesawah ketika ini diperah dengan balasan tidak setimpal.

“Pembekalan beras bagi menuhi keperluan negara adalah tanggungjawab strategik negeri kepada Persekutuan yang tidak akan dikompromi demi memastikan kelangsungan dan keselamatan negara kekal terjamin.

“Dalam menyelesaikan isu ini, kerajaan negeri harus bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk menstrukturkan semula ekosistem pengeluaran dan pasaran padi agar memberi pulangan setimpal kepada petani dan bukan hanya menguntungkan pemain hiliran semata-mata,” titahnya.

Baginda bertitah demikian sempena Istiadat Perasmian Pembukaan Sidang Dewan Un-



SULTAN Sallehuddin Sultan Badlishah bertitah dalam Istiadat Perasmian Pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua di Wisma Darul Aman, Alor Setar, semalam.

dangan Negeri (DUN) Kedah bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, Sultan Sallehuddin mahu Jeti Penumpang Kuala Kedah di sini yang menjadi pintu masuk utama pelancong ke Pulau Langkawi melalui perkhidmatan feri segera dinaik taraf.

Baginda bertitah, selaras Tahun Melawat Kedah 2025, Pulau Langkawi yang menjadi permatang pelancongan negeri harus terus diperkasakan.

Titah baginda, produk pelancongan sedia ada juga perlu dinai taraf agar relevan dengan trend semasa kerana pelancongan adalah industri kedua terbesar di bawah sektor perkhidmatan dengan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri sebanyak 16.7 peratus atau RM8.5 bilion.

“Memandangkan sektor pelancongan mempunyai nilai tambah yang tinggi kepada negeri, sektor ini wajar dikembangkan dengan potensi sumber dan

aset pelancongan di negeri ini dimanfaatkan sepenuhnya.

“Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu memastikan konsep pembangunan mengekalkan keindahan dan persekitaran alam agar Pulau Langkawi kekal dengan ciri keindahan semula jadi.

“Projek naik taraf jeti ini perlu disegearkan bagi memberi kemudahan dan keselesaan kepada pengunjung ke Pulau Langkawi,” titahnya.

36 | Utusan Malaysia
SELASA • 5 MAC 2024



JERAMI yang mempunyai 'nilai' cukup tinggi dan mampu menjana pendapatan, dihasilkan di PPK MADA D-1 Tambun Tulang, Arau, Perlis semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

PPK MADA Tambun Tulang jana hasil RM280,000

Jerami mendapat permintaan tinggi

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

ARAU: Jerami padi yang sebelum ini dianggap tidak bernilai dan hanya dibakar atau dibuang, mempunyai 'nilai' cukup tinggi apabila dimanfaatkan sekali gus mampu menjana pendapatan.

Kebelakangan ini, jerami gulung dan kotak yang dijadikan makanan haiwan ternakan dan perhiasan sebagaimana trend terkini sempena musim panas, mendapat permintaan luar biasa dari seluruh negara.

Malah, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) D-1 Tambun Tulang yang menghasilkan jerami gulung sejak 2015, mampu menjual sehingga 3,000 ke 4,000 ketul seberat

720,000 kilogram atau 720 tan metrik.

Secara tidak langsung, PPK juga mampu menjana hasil sehingga RM280,000 dalam tempoh setahun berikutan permintaan yang cukup tinggi.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Pengurus PPK MADA D-1 Tambun Tulang, Yusrizal Abu Bakar berkata, setiap gulung jerami yang dihasilkan seberat 150 hingga 180 kilogram dijual pada harga RM70.

Katanya, dalam tempoh sehari, mereka mampu menyiapkan sehingga 160 gulung jerami bagi menampung permintaan yang tinggi.

"Sejak 2015, ia memang mendapat sambutan dan tidak pernah tidak habis terjual. Permintaan dari seluruh negara dan kebelakangan ini menjadi trend jerami gulung dijadikan perhiasan dalam program atau karnival.

"Malah, sempena Pesta Angin Timur 2024, sebanyak 150 jerami gulung dijual untuk kegunaan sempena pesta tersebut. Selain itu, Jabatan Pertanian juga membentuknya untuk dijadikan makanan ternakan," katanya.

20

Nasional

Selasa, 5 Mac 2024 BII

Sidang DUN Kedah

Kerajaan Kedah perlu fikir langkah tingkat hasil padi

Alor Setar: Nasib pesawah yang menjadi tulang belakang sebenarnya sektor pertanian perlu diberi perhatian serius supaya golongan itu mendapat pulangan yang lebih baik.

Sultan Kedah, Sultan Al-Amynul Karim Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah, bertitah dengan hasil pendapatan yang sangat rendah, keringat golongan pesawah ketika ini diperah dengan balasan yang tidak setimpal.

"Kerajaan negeri perlu memikirkan langkah wajar untuk me-

ningkatkan produktiviti padi di Kedah memandangkan pengeluaran beras adalah sektor tunjang dalam pertanian yang menjadi asas keselamatan makanan negeri dan negara.

"Dalam menyelesaikan isu ini, kerajaan negeri harus bekerjasama dengan kerajaan Persekutuan untuk menstrukturkan semula ekosistem pengeluaran dan pasaran padi supaya memberi pulangan setimpal kepada petani dan bukan hanya menguntungkan pemain hiliran

semata-mata," titah baginda.

Sultan Sallehuddin bertitah demikian sempena Istiadat Perasmian Pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua di sini, semalam.

Sultan Kedah bertitah, penyelesaian yang ketara dalam perkara itu adalah penggunaan teknologi dalam pertanian tanpa memperluaskan kawasan jelapang padi sedia ada.

Baginda bertitah, teknologi di

segenap peringkat rantai pengeluaran padi perlu diperkasa bermula daripada pengeluaran benih sehingga proses penuaan.

"Cabaran dihadapi oleh petani dalam menggunakan teknologi seperti tahap kemampuan kewangan dan kekurangan ilmu pengetahuan perlu diselesaikan.

"Kerajaan perlu mengambil langkah bekerjasama dengan pihak swasta untuk menyediakan perkhidmatan teknologi

pertanian pada harga murah dan berkualiti," titah baginda.

Titah baginda, perancangan penggunaan teknologi dalam pertanian diperlukan di peringkat negeri dalam usaha memodenkan sektor pertanian negeri dengan lebih serius.

Selain padi, titah Sultan Sallehuddin, pengeluaran tanaman makanan yang lain seperti buah-buahan dan sayur-sayuran juga perlu dipelbagaikan supaya sektor makanan menjadilah lebih mampan.

12 NASIONAL
SINAR HARIAN • SELASA 5 MAC 2024

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my
TELUS & TULUS • TIDAK DICENGKAM OLEH TANGAN GH

Hasil pertanian dijangka terjejas 50 peratus

Petani di Cameron Highlands berdepan masalah air, serangan serangga kesan El Nino

Oleh NOR SYAMIRA LIANA NOR ASHAHA SHAH ALAM

Hasil tanaman di Cameron Highlands dijangka terjejas sebanyak 50 peratus sekiranya fenomena El Nino berterusan sehingga dua minggu lagi. Pengurus Persatuan Pekebun Melayu

Cameron Highlands, Datuk Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid berkata, cuaca panas telah mengakibatkan bekalan air semakin berkurangan dan serangan serangga perosak.

Menurutnya, kebanyakan petani di tanah tinggi berkenaan menggunakan air dari bukit untuk pertanian, namun kebelakangan ini sumber itu semakin berkurangan.

"Apabila tumbuhan tidak mendapat air yang mencukupi maka tanaman yang dihasilkan ini tidak berkualiti. Kita tidak akan jual hasil yang tidak berkualiti dengan harga premium semata-mata tidak mahu rugi.

"Bukan itu sahaja, cuaca panas juga mengakibatkan tumbuhan diserang serangga perosak. Kami bukan berhadapan dengan satu masalah tetapi dua iaitu kekurangan air dan serangga perosak," luahnya kepada *Sinar Harian* ketika dihubungi pada Isnin.

Laporan *Sinar Harian* pada Ahad berhubung kesan El Nino terhadap industri pertanian di Malaysia.


Sebelum ini, media melaporkan fenomena El Nino memberi kesan kepada hasil pertanian dan negara perlu bersedia menghadapi kesan cuaca lebih panas menjelang tahun 2025.

Susulan itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu menyarankan agar agensi pertanian berkaitan seperti Institut Penyelidikan Pertanian Malaysia (Mardi) mencari langkah bagi mengatasi perkara berkenaan seperti kaedah pembajaan, jadual tanaman dan benih pertanian baharu.

Mengulas lanjut mengenai keadaan terkini tanaman di Cameron Highlands, Syed Abd Rahman memberitahu, kebanyakan pekebun terpaksa mengecilkan operasi ladang masing-masing semata-mata mahu menjaga kualiti pengeluaran.

"Kita tidak dapat nak mengusahakan keseluruhan kawasan ladang yang ada. Tiada keperluan jika mahu meneruskan tanaman jika ia tidak mampu mengeluarkan hasil seperti yang diinginkan.

"Pengecilan operasi tanaman ini secara tidak langsung menyebabkan pendapatan kami semakin berkurangan," ujarnya.



SYED ABDUL RAHMAN

A career in padi farming awaits youths

PENDANG: The Sekinchan-style Large-Scale Smart Padi Field Project (Smart SBB) introduced by the Muda Agricultural Development Authority (Mada) can attract young people to take up padi farming as a career, says Mada chairman Datuk Dr Ismail Salleh.

He said the use of modern technology, including drones, in the project helps farmers manage crops more efficiently and provides higher yields.

Sekinchan in Selangor is home to Malaysia's most productive rice fields when measured on a yield per hectare (ha) basis, he added.

"Our Smart SBB has pioneers in specific crop areas, so naturally, young people with the right mindset, skills and desire can join.

"These young people can make

a profession in the rice industry. If they can achieve a yield of seven tonnes per hectare in an area of 100 plots (28ha), this can encourage young people to consider padi cultivation as a profession," he told Bernama when met at the Kampung Gulau Smart SBB harvesting programme here.

The programme was officiated by Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu on Sunday.

Ismail said the Smart SBB project, which is part of Mada's initiative to support the "Gelombang Padi" (Padi Wave) agenda, is to boost the development of the country's padi and rice industry and increase its self-sufficiency ratio.

The Smart SBB project in

Kampung Gulau is managed in an area of almost 39ha involving 10 young farmers.

One of the participants, Mohamad Farid Shafie, 38, said the use of high-tech machinery and equipment makes the padi cultivation process easier and faster. It also helps to overcome the problem of labour shortage.

He said besides the use of technology, providing certain incentives to farmers can attract young people to join the padi cultivation sector while ensuring crop sustainability for the future.

"I cultivate padi on an area of 40ha, with over half being Smart SBB. Currently, the padi in Smart SBB has not been harvested yet, but I can see an improvement in the quality of the plants," he said.



Going hi-tech: A padi field at Paddy NMR 152 Project Research Side, Sekinchan. — FAIHAN GHANI/The Star